



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
10 Januari 2018**

PNB serah zakat perniagaan lebih RM11 juta kepada Negeri Pulau Pinang

KUALA LUMPUR:- Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, berbesar hati untuk menerima zakat perniagaan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang berjumlah RM11,592,000.00.

Cek zakat perniagaan Kumpulan PNB itu disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan PNB, YBhg Tan Sri Abdul Wahid Omar kepada TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur. Turut hadir ialah Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, YBhg Dato' Idris Kechot dan Ketua Pengurusan Syariah, Dr. Ahmad Basri Ibrahim.

Pembayaran zakat oleh Kumpulan PNB dikira mengikut 'haul' dan 'nisab' yang sudah ditetapkan. Zakat perniagaan oleh PNB ini tidak meliputi agihan pendapatan untuk pemegang akaun unit amanah yang melabur dalam tabung yang dikendalikan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Pemegang akaun dinasihatkan melunaskan sendiri zakat bagi pelaburan dalam setiap unit amanah yang berkenaan.

- Tamat -

Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah satu syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia yang turut memiliki syarikat pengurusan unit amanah iaitu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Amanah Mutua Berhad (AMB). PNB mempunyai aset di bawah pengurusan (AUM) yang kini mencapai lebih RM276.5 bilion berbanding hanya 3.5 bilion pada tahun 1981. Menerusi Pelan Strategik STRIVE-15 2017-2022, PNB yang diterajui oleh pimpinan baharu memacu ke hadapan untuk mengekalkan prestasinya dalam tempoh lima tahun yang akan datang dan seterusnya mencapai visi sebagai sebuah **Institusi Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia**. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB ditubuhkan pada 22 Mei 1978 untuk menguruskan Tabung-Tabung yang dilancarkan oleh PNB. Kini, ASNB memiliki 12 Tabung termasuk enam tabung harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Didik (ASD), Amanah Saham 1Malaysia (AS 1 Malaysia), dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2). Empat tabung selebihnya merupakan tabung harga berubah yang dikenali sebagai Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2), Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) dan Amanah Saham Gemilang (ASG). ASNB kini mempunyai 30 cawangan dan 2,235 ejen di seluruh negara. Sila rujuk laman web untuk maklumat lanjut di www.asnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad